

## Sifat Muslim Sejati

Daripada Abu Musa al-Asy'ari RA katanya: Ya Rasulullah, siapakah orang Islam yang paling afdal? Sabda Rasulullah SAW:

المُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ

**Maksudnya:** "Orang Islam yang sebenarnya ialah orang Islam lain selamat daripada lidahnya dan tangannya."

Riwayat al-Bukhari dalam *al-Sahih* (1/ 70-71) no. (11) dan Muslim dalam *al-Sahih* (1/ 66) no. (42)

### Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Tarbiah kerohanian dalam Islam mempunyai beberapa ciri khusus dan keistimewaan tersendiri. Yang paling utama ialah sifatnya sebagai *tarbiyyah ruhiyyah rabbaniyyah* iaitu *tarbiah* yang dijalankan mengikut *manhaj rabbani*. Tujuannya ialah untuk membentuk suasana dan keadaan di dalam diri manusia yang serasi dan sesuai dengan akhlak Tuhan. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Berakhlakah kamu dengan akhlak Allah SWT."

2. Yang dimaksudkan dengan membentuk akhlak dengan akhlak Allah ialah menjadikan sifat kesempurnaan Allah SWT sebagai tumpuan dalam pembinaan peribadi. Tumpuan yang dilakukan itu adalah dengan kesedaran bahawa pencapaian di dalam tumpuan itu, hanyalah dalam batas keupayaan insani dan dalam lingkungan hakikat kemanusiaan insan itu sendiri. Dengan

kata yang lain, pencapaian itu tidak mengheret kepercayaan atau lintasan di dalam hati bahawa manusia dapat mencapai tahap kesempurnaan Ilahi. Tegasnya, tumpuan itu tidak lebih daripada semata-mata sasaran dan arah dalam perjalanan mendekati Allah.

3. Kerohanian yang hendak dibentuk oleh tarbiah kerohanian mengikut *manhaj Islam* ialah kerohanian yang hidup dan bergerak, kerohanian yang sedar dan beriltizam, kerohanian yang positif yang membina, kerohanian yang bertujuan dan matlamat. Kerohanian seperti ini akan melahirkan sifat terpuji dan akhlak yang tinggi. Ia membentuk perasaan yang tenang dan harmoni yang memberi kesan baik kepada diri dan ummah. Ia mencetuskan keteguhan dan keberanian yang tidak mempermainkan kebenaran dan tidak membiarkan keberanian dipermainkan.
4. Membina kembali kerohanian Islam Muslim, mestilah mempunyai matlamat dan sandaran yang kukuh. Tanpa matlamat yang jelas dan bergantung yang kukuh, ditakuti akan membawa ke arah kesesatan. Kesesatan yang lebih besar dan mendalam daripada yang dihasilkan oleh kehidupan berasaskan kebendaan dan keduniaan semata-mata. Ini kerana kehidupan yang berasaskan kerohanian yang sesat dan menyeleweng merupakan jalan ringkas menuju kekufuran.
5. Tarbiah kerohanian dalam Islam adalah bersandarkan kepada *manhaj Ilahi* dan jalan yang dilaluinya ialah jalan Allah SWT. Jalan itu ialah yang menuju kepada-Nya. Menghampirinya dalam ketaatan, kecintaan, mengharap, menyerah diri kepada-Nya, takut dan bertakwa dengan keimanan dan keyakinan yang penuh.
6. Sayid Hawwa' berkata: Bergerak menuju Allah SWT ialah beralih daripada jiwa yang kotor kepada jiwa yang bersih suci. Daripada akal yang tidak berasaskan syariat kepada akal yang berasaskan kepadanya. Daripada hati yang kafir atau nifak atau fasik atau sakit atau keras, kepada hati yang tenang dan sempurna. Daripada roh yang liar dari pintu hidayah Allah SWT yang ingat untuk beribadah kepada-Nya dan tidak melaksanakan peribadahan itu, kepada roh yang mengenali Allah SWT. Dan menunaikan hak peribadatan kepadanya. Daripada jasad yang tidak mengikut tata tertib syarak kepada jasad yang diatur secara lengkap dengan syariat Allah SWT. Pendeknya, dari diri yang kurang sempurna kepada diri yang lebih sempurna dari segi kelayakannya dan dari segi iltizamnya kepada sunnah Rasulullah SAW sama ada sunnah perkataan, amalan dan keadaan.

### Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Bangunlah pagi-pagi sebab waktu itu berkat. Oleh itu, lakukanlah apa yang hendak kamu lakukan pada waktu itu, berzikir, membaca al-Quran, menghafal, membaca, menulis atau bersiar-siar.
- ❖ **Pujangga berkata:** Berbuat baiklah kepada sesama manusia, dan berbaktilah dengan membuat kebaikan kepada semua orang supaya kamu akan mendapat kebahagiaan dari menziarahi orang sakit, memberi sesuatu kepada orang yang memerlukan dan dari mengasihi anak yatim.

### Kisah Teladan

Khalifah Hisyam bin Abdul Malik memasuki Kaabah yang mulia, dan secara tidak diduga dia mendapatkan Salim bin Abdullah bin Umar bin Khattab RA, maka apa yang terjadi? Khalifah Hisyam berkata: Wahai Salim, sampaikan kepadaku keperluanmu. Sesungguhnya aku malu kepada Allah SWT untuk memintanya di rumah-Nya selain kepada-Nya, kata Salim.

Ketika Salim keluar, Hisyam pun keluar mengikutinya dan berkata: Sekarang kamu telah keluar, maka sampaikan kepadaku keperluanmu. Salim menjawab: Keperluan dunia atau keperluan akhirat? Hisyam menjawab: Tentu, keperluan dunia! Salim berkata: Aku tidak akan meminta kepada yang memilikinya, maka bagaimana mungkin aku memintanya kepada yang tidak memilikinya.

Kekayaan itu adanya dalam hati, bukan pada tangan. Barangsiapa yang kaya jiwa dan hatinya, maka akan kaya kedua tangannya, sedangkan barangsiapa yang miskin hatinya tidak akan bermanfaat kekayaannya.